

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 FEBRUARI 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35

Petronas, Mitsui O.S.K. Lines meterai MoU

Petronas, Mitsui O.S.K. Lines meterai MoU

PETALING JAYA: Petronas telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan syarikat perkapalan global terkemuka, Mitsui O.S.K. Lines Ltd. (MOL) untuk meneroka peluang dalam pengangkutan karbon dioksida (CO₂) cecair yang diperlukan untuk rantaian nilai penangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS).

Ketua Pegawai Eksekutif Huluan Petronas, Adif Zulkifli berkata, Petronas sentiasa meneroka peluang untuk mengurangkan pelepasan karbon dalam operasinya.

"Kerjasama itu penting kerana pengangkutan cecair CO₂ jarak jauh memainkan peranan penting dalam rantaian nilai CCUS.

"Kami yakin rekod prestasi MOL yang kukuh, ditambah pemerolehan Larvik Shipping Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini yang menghantar cecair

CO₂ dengan selamat selama lebih 30 tahun akan menempatkan Petronas dan MOL sebagai peneraju di rantau ini untuk pengangkutan cecair CO₂ jarak jauh," katanya.

MoU ditandatangani oleh Adif Zulkifli dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MOL, Takeshi Hashimoto.

Petronas sedang membina portfolio berdaya tahan dan mampan sejajar strategi pertumbuhannya bagi memberi penyelesaian berkesan dengan jejak karbon yang lebih rendah menerusi kecemerlangan komersial dan operasi, penjanaan tenaga boleh diperbaharui dan inovasi teknologi.

Petronas menyokong peralihan ke arah sumber tenaga rendah karbon dengan menggunakan teknologi yang mengurangkan pelepasan di seluruh rantai nilai yang merangkumi penangkapan, pengangkutan dan penyimpanan karbon.



ADIF Zulkifli (kiri) dan Takeshi Hashimoto menunjukkan MoU yang ditandatangani secara maya di antara Petronas dan Mitsui O.S.K. Lines Ltd, semalam. - IHSAN PETRONAS